

# Merbok & Jevai

Sejarah yang Berbisik

Editor

Syazliiyati Ibrahim



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA  
KEDAH



Hakcipta terpelihara © 2018 Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Rektor, UiTM Cawangan Kedah, 08400, Merbok, Kedah, Malaysia.

Editor : Syazliyati Ibrahim  
Rekabentuk kulit buku : Asrol Hasan  
Susunatur : Asrol Hasan

**ISBN 9789670314396**

Cetakan oleh: Perpustakaan Sultan Badlishah  
Universiti Teknologi MARA Kedah,  
08400 Merbok,  
Kedah,  
Malaysia.

## **PENGHARGAAN**

Proses dokumentasi hasil penyelidikan yang dijalankan di sekitar Merbok dan Gunung Jerai ini tidak akan berjaya tanpa sokongan padu daripada pelbagai pihak sama ada individu ataupun institusi. Sekalung penghargaan dan jutaan terima kasih dihulurkan kepada:

- 1 Kerajaan Negeri Kedah Darulaman.
- 2 Dato' Tajul Urus Mat Zain, Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Pengangkutan dan Badan-badan Bukan Kerajaan Negeri Kedah
- 3 Rektor, UiTM Cawangan Kedah. Dr. Asmadi Mohammed Ghazali
- 4 Penduduk-penduduk Kampung Bujang, Kampung Segantang Garam, Kampung Kuala Segantang Garam, Semeling, Gunung Jerai, Kampung Bukit Acheh, Tanjung Dawai dan Kampung Acheh.

## ISI KANDUNGAN

### **MERBOK DAN JERAI : SEJARAH YANG BERBISIK**

		<b>Muka Surat</b>
Penghargaan		i
Kata-kata aluan		iv
Pengenalan		vii
BAB 1	Islam di Kedah: Fajar Iman Nusantara <b>Ahmad Yumni Abu Bakar</b> <b>Maznah Wan Omar</b>	1
BAB 2	Tanjung Dawai : Antara Lautan dan Kehidupan <b>Maznah Wan Omar</b> <b>Mazlifa Md Daud</b> <b>Norhayati Ismail</b>	9
BAB 3	Ada Apa Pada Nama? Ceritera Yang Terungkap Diseba- lik Asal Usul Nama Kampung di Dewan Undangan Negeri Tanjung Dawai <b>Syakirah Mohammed</b> <b>Syatirah Abu Bakar</b> <b>Sarah Sabir Ahmad</b> <b>Nur Irinah Mohd Sirat</b>	31
BAB 4	Ban Merbok : Cahaya di Dalam Kegelapan <b>Syazliyati Ibrahim</b> <b>Fathiyah Ahmad Jali</b> <b>Azfahanee Zakaria</b> <b>Azni Syafena Andin Selamat</b> <b>Asrol Hasan</b>	42
BAB 5	Jejak Aceh di Yan : Singkapan Semangat dan Amanat <b>Nor Suhaiza Md Khalid</b> <b>Zarina Mohd Zain</b> <b>Suzei Mat Nurudin</b>	53
BAB 6	Permainan Tradisional Merbok – Nilam Pusaka Bangsa <b>Azfahanee Zakaria</b> <b>Asrol Hasan</b> <b>Syazliyati Ibrahim</b> <b>Azni Syafena Andin Selamat</b> <b>Fathiyah Ahmad Jali</b>	65
BAB 7	Rimbunan Hijau : Khazanah Herba Alam di Merbok <b>Azyyati Anuar</b> <b>Firdaus Abdul Rahman</b> <b>Suhardi Hamid</b>	75

BAB 8	Komuniti Cina di Merbok : Keringat Emas di Lembah Bertuah <i>Lee Chai Chuen</i> <i>Nor Azrina Mohd Yusof</i>	81
BAB 9	Gunung Jerai : Pasak Utuh Jelapang Padi <i>Fathiyah Ahmad Jali</i> <i>Azlan Abd Rahman</i> <i>Zaidi Yusoff</i> <i>Asmadi Mohammed Ghazali</i>	97
Kesimpulan		104
Senarai Penulis		106

## KATA – KATA ALUAN

**Sekapur Sireh**  
**YB. Dato' Haji Tajul Urus Haji Mat Zain**  
**Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan**  
**Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman**



Menyingkap sejarah dan menyoroti peristiwa yang melingkari kehidupan seharian sebuah masyarakat itu merupakan sesuatu yang harus dilakukan oleh kita. Sejarah membawa diri kita ke satu dimensi lalu yang bukan sahaja memberi peringatan bahkan menjadi agen kesedaran dalam memacu masa hadapan. Penelitian kepada sejarah merupakan sesuatu yang penting terutamanya dalam keadaan masyarakat lebih tertumpu kepada aspek pembangunan masa hadapan sahaja.

Penerbitan Buku Sejarah Yang Berbisik merupakan satu inisiatif terbaik dalam memaparkan sejarah-sejarah negeri Kedah Darul Aman, terutamanya di kawasan Tanjung Dawai, Merbok dan Jerai, kepada khalayak pembacanya. Soroton sejarah yang dicanai secara santai dan bersahaja ini pastinya mampu menarik perhatian segenap kelompok pembaca dan pastinya juga mampu menarik minat golongan muda untuk menghayatinya.

Jutaan tahniah dan segunung penghargaan dirakamkan kepada Sidang Editorial Sejarah Yang Berbisik atas penerbitan makalah sejarah ini. Barisan penulis dan editor Sejarah Yang Berbisik telah, secara hebatnya, mempersembahkan corak penulis kreatif dan menarik untuk menjadikan naskah ilmu ini diterima ramai. Pasti kerjasama antara Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman dan Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah tidak akan terhenti di sini dan akan berlanjutan demi memastikan kelangsungan pembangunan medan ilmu di Negeri kedah akan berterusan.

**Seulas Pinang**  
**YBhg. Dr Asmadi Mohammed Ghazali**  
**Rektor**  
**UiTM Cawangan Kedah**



Sejarah dan kisah yang melatari sesebuah bangsa merupakan satu bidang ilmu pengetahuan yang harus diselidiki secara sistematik dan menyeluruh, Pengamatan nilai sejarah pastinya akan membantu kepada pengertian secara keseluruhan mengenai perkembangan kehidupan mahupun masyarakat dan nilai kemanusiaan di masa lampau yang boleh dijadikan panduan kepada perencanaan masa hadapan.

Inisiatif Barisan Penulis Buku dan Sidang Editorial Sejarah Yang Berbisik untuk menghasilkan sebuah naskah ilmu yang menghimpunkan pelbagai kisah sejarah, baik yang telah dikenali mahupun tidak, merupakan satu inisiatif terbaik dan murni dalam membantu kepada pemupukan nilai cintakan sejarah dan negara. Pastinya khalayak pembaca akan terpicat dengan corak penyampaian nilai sejarah secara santai seolah-olah sedang pembaca sebuah cerita pendek rakyat. Bahan bacaan ringan yang padat dengan nilai sejarah dan kekitaan. Tahniah diucapkan kepada semua.

Kerjasama dan dorongan daripada pihak Kerajaan Negeri Kedah terutamanya Jawatankuasa Pendidikan Negeri Kedah Darul Aman pastinya akan mendorong kepada penghasilan lebih banyak makalah-makalah ilmu sejarah yang akan membantu kepada penghasilan komuniti masyarakat yang menyanjung nilai sejarah bangsa dan negaranya. Besar harapan agar kerjasama sebegini akan berterusan tanpa henti dan pastinya selepas ini akan lebih banyak medan ilmu dan sesi perkongsian pengetahuan akan terhasil.



**Suatu Refleksi**  
**PROF. DR. MAZNAH WAN OMAR**  
**Pengerusi**  
**SIG PICE (Special Interest Group – Public**  
**Interest Centre of Excellence)**  
**UiTM Cawangan Kedah**



Kedah merupakan sebuah negeri yang amat kaya dengan sejarah dan menyimpan pelbagai misteri. Asal-usul negeri ini telah bermula berabad lamanya dengan penemuan-penemuan arkeologi yang baharu yang telah membuktikan keutuhan dan kedaulatan negeri Kedah di persada sejarah. Daerah Merbok dan Gunung Jerai merupakan kawasan utama yang mempengaruhi susur galur kewujudan negeri Kedah. Sehingga kini, kawasan Merbok dan Gunung Jerai masih mempunyai tarikan yang tersendiri disebabkan penemuan penting khazanah sejarah dunia seperti candi-candi Lembah Bujang sehinggalah penemuan yang lebih terkini, iaitu penempatan penduduk dan aktiviti sosial mereka di Sungai Batu.

Memandangkan kedua-dua daerah ini sudah terkenal dengan sejarah yang disokong dengan bukti-bukti arkeologi, kehidupan masyarakat di kedua-dua kawasan tersebut sudah pastinya turut berubah mengikut peredaran zaman. Oleh yang demikian, kumpulan penyelidik UiTM Cawangan Kedah, iaitu SIG PICE (Special Interest Group – Public Interest Centre of Excellence) merasakan adalah penting untuk mendokumentasikan aspek-aspek kehidupan masyarakat yang mungkin tidak dapat dibuktikan dari sudut arkeologi. Contoh-contoh aspek kehidupan tersebut seperti cerita asal-usul nama tempat, aktiviti permainan dan rekreasi serta individu-individu yang berjasa yang mungkin tidak dapat dikesan dengan hasil carigali arkeologi. Sehubungan itu, dengan bantuan Dana daripada Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman, kumpulan ini telah menjalankan penyelidikan dengan merekodkan sejarah lisan daripada penduduk sekitar Merbok dan Jerai untuk memastikan kesinambungan sejarah negeri ini tidak sahaja bergantung kepada bukti arkeologi.

Kisah-kisah yang dikutip daripada penduduk-penduduk kampung di daerah Merbok dan Gunung Jerai yang dibukukan di sini terdiri daripada kisah-kisah yang unik berdasarkan pengalaman hidup mereka seawal tahun 1900 sehingga sekarang. Pelbagai topik yang tersemat di hati penduduk kampung antaranya ialah Islam di Kedah, pembangunan Tanjung Dawai, kesan projek Ban Merbok, komuniti Cina di Semeling sehingga kepada simbol Gunung Jerai kepada rakyat Kedah telah digarapkan di dalam buku ini. Harapan para penyelidik supaya hasil penyelidikan yang diterbitkan dalam bentuk bab dalam buku ini dapat membantu para pembaca mengenali negeri Kedah amnya dan daerah Merbok dan Jerai khasnya dengan lebih dekat. Sejarah kehidupan penduduk yang dinukilkan ini diharapkan juga kekal menjadi rujukan dan sentiasa berbisik di hati pembaca, bukan lagi hanya berbisik di jiwa penduduk kampung yang akhirnya hilang ditelan kemodenan jika tidak direkodkan.



## PENGENALAN

Kompilasi kisah-kisah yang dikumpul daripada orang-orang kampung sekitar Merbok dan Jerai ini dimulakan dengan nukilan kisah ***Islam di nusantara***. Negeri Kedah merupakan negeri di Nusantara yang menerima Islam lebih awal dari negeri Melaka (1414M), Terengganu (1303M) dan negeri-negeri yang wujud di Semenanjung Tanah Melayu. Islam telah bertapak di negeri ini sekitar tahun 1136M bersamaan 531H. Tokoh yang bertanggungjawab dalam menyebarkan Islam dan mengislamkan Maharaja Kedah ialah seorang ulama yang berasal dari negeri Yaman. Teori kedatangan Islam ke Kedah menunjukkan bahawa Islam telah bertapak di Kedah lebih awal dari negeri-negeri lain di Malaysia. Demikian juga halnya jika berdasarkan kepada catatan ahli sejarah seperti bukti-bukti batu nisan yang telah ditemui, bukti kewujudan alim ulama dan institusi pondok yang dibangunkan dan sebagainya Bab ini juga membahaskan mengenai asal-usul nama Kedah, kerajaan yang memerintah Kedah, lokasinya, Gunung Jerai, tokoh pengasas kerajaan Kedah Tua dan tokoh ulama yang mengislamkan Maharaja Kedah dan rakyatnya serta pemerintahan putera-putera Sultan Muzaffar Shah I dengan lebih mendalam. Perbincangan terakhir diteruskan dengan topik kedatangan Islam ke Kedah lebih awal dari Melaka dan negeri-negeri semenanjung Tanah Melayu.

Seterusnya, bab ***Tanjung Dawai – antara lautan dan kehidupan***, mengupas keadaan kehidupan penduduk Tanjung Dawai dari segi kegiatan ekonomi dan infrastruktur yang ada untuk kegunaan penduduk tempatan dan pelancong. Tanjung Dawai merupakan satu kawasan muara sungai dengan kebanyakan penduduknya bekerja sebagai nelayan, peniaga, pengusaha makanan laut, dan pengeluar produk hasilan laut. Arked Tanjung Dawai dibina dengan tujuan untuk memberi peluang kepada penduduk tempatan berniaga hasilan laut yang diperolehi daripada lautan luas. Infrastruktur asas seperti sekolah, pengangkutan awam, masjid, dan persekitaran Tanjung Dawai juga turut dikupas secara ringkas.

Selain itu, kisah-kisah di sebalik nama-nama kampung di Dewan Undangan Negeri Tanjung Dawai, Kedah juga berjaya direkodkan hasil daripada temu ramah dengan penduduk kampung. Antaranya ialah ***Ada Apa Pada Nama? Ceritera Yang Terungkap Di sebalik Asal-Usul Nama Kampung di Dewan Undangan Negeri Tanjung Dawai***. Nama-nama kampung ini mempunyai keunikan yang tersendiri. Nama sesuatu tempat kadangkala mempunyai konteks sejarah yang harus dipelihara. Nama sesuatu tempat juga boleh menggambarkan sifat-sifat persekitaran asal yang kini mungkin telah berubah ditelan arus masa dan kemodenan. Hal ini juga boleh memberi gambaran kekayaan warisan, budaya, aktiviti ekonomi, dan identiti masyarakat terdahulu. Asal-usul nama-nama kampung di Merbok dan Bujang yang diperolehi daripada cerita-cerita lisan penduduk-penduduk kampung wajar dicatatkan sementara mereka yang mempunyai pengetahuan tentangnya masih hidup dan sebelum asal-usul tersebut dilupakan.

Kepayahan dan kesusahan hidup penduduk Kedah pada suatu masa dahulu juga direkodkan dalam bab ***Ban Merbok: Cahaya di Dalam Kegelapan***. Pada zaman 1960-an, terdapat sebuah projek kerajaan negeri yang dinamakan Projek Ban Merbok. Dahulunya, projek ini dikenali sebagai Program Pamah Kerajaan. Projek ini telah dikendalikan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Cawangan Kuala Muda, Kedah. Keistimewaan projek ini melibatkan tebus guna tanah di kawasan air masin yang merangkumi kawasan seluas 100 km persegi dan melibatkan 56 mukim. Antara kawasan yang terlibat ialah Merbok, Sungai Baru, dan Bujang. Kisah Ban Merbok dan Kampung Kuala Segantang Garam ini wajar direkodkan bukan hanya atas dasar sebuah projek tebus guna kerajaan. Perkara yang perlu dipelajari di sebalik kisah penerokaan projek Ban Merbok ini sebenarnya adalah tentang kehidupan insan yang dibelenggu kesusahan hidup dan kesanggupan mereka untuk bekerja keras menyahut seruan pihak kerajaan untuk membuka atau memugar satu kawasan hutan paya bakau yang penuh cabaran semata-mata untuk memperoleh kehidupan yang lebih baik.

Seterusnya, semangat dan jati diri masyarakat Aceh turut dikupas dalam bab ***Jejak Aceh di Yan: Singkapan Semangat dan Amanat***. Kehidupan masyarakat Aceh di Yan, Kedah telah bermula semenjak tahun 1888 lagi. Ada di kalangan mereka yang telah melepasi generasi keempat atau kelima yang menetap di Kampung Aceh. Namun, bagi sebilangan kecil masyarakat Aceh yang terdiri daripada generasi ketiga; mereka masih kekal dan kukuh dengan bahasa dan budaya Aceh walaupun telah berlaku asimilasi dengan masyarakat Melayu Kedah. Menelusuri sejarah kedatangan mereka ke Tanah Melayu, terdapat dua versi berbeza yang dapat dikaitkan dengan hal tersebut. Versi pertama merujuk kepada penghijrahan mereka ke daerah Yan pada sekitar kurun ke-18. Versi kedua pula menceritakan sebahagian orang Aceh yang turut sama berhijrah telah mendarat di Langkawi. Masyarakat Aceh sangat kuat berpegang teguh kepada ajaran Islam sehingga mereka membina sebuah sekolah agama seusai kedatangan mereka di Yan. Masyarakat Aceh juga mewarisi keunikan budaya mereka tersendiri, di samping turut aktif bekerjasama mewujudkan gerakan perniagaan bagi mengukuhkan ekonomi mereka. Pelbagai aktiviti telah direncanakan oleh masyarakat Aceh di Yan antaranya penerbitan buletin yang dikenali dengan nama Narit Geutanyo, penulisan kamus Bahasa Aceh-Bahasa Malaysia-Bahasa Aceh, dan pembinaan galeri.

Hasil temu teramah seterusnya direkod dalam bab ***Permainan Tradisional Merbok – Nilam Pusaka Bangsa***. Antara aktiviti masa lapang yang digemari oleh segenap lapisan masyarakat terutama pada zaman sebelum alaf baharu ialah permainan berkumpulan. Permainan berkumpulan yang popular terutama di kalangan kanak-kanak lebih bersifat tradisional kerana turut digemari oleh kanak-kanak pada zaman dahulu. Di Merbok, terdapat beberapa permainan yang amat popular pada zaman 1950-an tetapi sayangnya hampir tidak dikenali oleh generasi pada zaman ini kerana pengaruh perkembangan teknologi terutamanya permainan berteknologi. Oleh itu, langkah untuk mendokumentasikan pelbagai jenis permainan tradisional yang semakin pupus ditelan zaman ini dirasakan amat penting supaya generasi masa hadapan dapat mengenali warisan yang ditinggalkan oleh generasi terdahulu. Antara permainan tradisional yang dimainkan oleh penduduk kawasan Merbok ialah permainan sole, permainan tuju ayam, permainan poroq, dan permainan kawaq.

Bab ***Rimbunan hijau: khazanah herba alam di Merbok*** pula merekodkan maklumat tentang tumbuh-tumbuhan yang meliar di sekitar Merbok tetapi mempunyai pengaruh yang besar dalam kehidupan masyarakat kampung. Merbok merupakan kawasan yang terdiri daripada pelbagai bentuk muka bumi seperti kawasan tanah pamah, sawah padi, dusun dan kebun getah, paya bakau, rimba belantara dan kaya dengan pelbagai pokok dan tumbuh-tumbuhan. Bagi menelusuri dengan lebih dekat pokok dan tumbuh-tumbuhan yang terdapat di sekitar Merbok, temu bual bersama dengan penduduk tempatan dijalankan bagi mendapat gambaran yang sebenar tentang keunikan sejarah, fungsi, dan khasiat di sebalik nama-nama pokok yang tidak pernah dirungkai sebelum ini.

***Komuniti Cina di Merbok: Keringat emas di lembah bertuah*** pula merupakan sebuah kisah sejarah kedatangan orang Cina ke Pekan Merbok, Kedah. Kesusahan hidup, terpaksa meninggalkan anak isteri di negara sendiri, dan bersendirian di lembah bertuah mengajar kaum Cina yang datang berhijrah ke Tanah Melayu untuk lebih berusaha dan cekal bagi memastikan generasi seterusnya dapat hidup dengan lebih selesa pada masa hadapan. Berpandukan kepada prinsip, 'biar miskin kehidupan, jangan miskin pendidikan', pembukaan sekolah pendidikan Cina di Tanah Melayu membuktikan kaum Cina mementingkan pendidikan agar generasi mereka di Tanah Melayu masih dapat mempelajari dan mewarisi kebudayaan serta asal-usul nenek moyang mereka. Kelahiran seorang tokoh pendidikan Cina di Pekan Merbok telah menjadikan lembah bertuah ini terkenal di kalangan masyarakat Cina seluruh Malaysia. Jasa dan sumbangan mendiang Dato' Lee Sing Chooi dalam bidang pendidikan Cina menjadikan beliau seorang tokoh pendidikan yang disanjung di kalangan penduduk Cina di Pekan Merbok ini.

Akhir sekali, bab ***Gunung Jerai: Pasak Utuh Jelapang Padi*** merekodkan keunggulan simbol Gunung Jerai kepada penduduk Kedah khususnya yang tinggal di sekitar kaki gunung tersebut. Puncak tertinggi di negeri Jelapang Padi ini yang berdiri teguh pada ketinggian 1,217 meter dari paras laut merupakan salah sebuah pelabuhan entrepot yang gemilang satu masa dahulu. Perbincangan bakal berkisar kepada tiga domain utama, iaitu sumbangan Gunung Jerai kepada nilai ekonomi, hidup dan alam sekitar serta signifikan kewujudannya kepada masyarakat sekitar, khususnya dan seluruh warga Kedah, amnya.



# Gunung Jerai: Pasak Utuh Jelapang Padi

**Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali**

*Jabatan Pengajian Bahasa  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah  
fathiyah@kedah.uitm.edu.my*

**Azlan Abdul Rahman**

*Jabatan Pengajian Bahasa  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah  
azlanar@kedah.uitm.edu.my*

**Zaidi Yusoff**

*Fakulti Seni Lukis & Seni Reka  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah  
zaidi@kedah.uitm.edu.my*

**Syakirah Mohammed**

*Jabatan Pengajian Bahasa  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah  
syakirah@kedah.uitm.edu.my*

**Asmadi Mohammed Ghazali**

*Jabatan Pengurusan Maklumat  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah  
asmadi615@kedah.uitm.edu.my*

## SEJARAH AWAL GUNUNG JERAI

Sejak zaman-berzaman, Gunung Jerai merupakan satu tanda kemegahan kepada negeri Kedah Darul Aman. Puncak tertinggi di negeri Jelapang Padi ini yang berdiri teguh pada ketinggian 1,217 meter dari paras laut (Portal Majlis Daerah Yan, 2015) merupakan salah sebuah pelabuhan entrepot yang gemilang satu masa dahulu. Gunung Jerai yang menjadi tulang belakang utama negeri Kedah terletak megah di sempadan antara Daerah Kuala Muda dan Yan. Gunung batu kapur ini menjadi pasak utama yang melatari keseluruhan pemandangan negeri Kedah dan kawasan sekitar semenanjung utara Malaysia. Gunung Jerai mengikut sejarah awal dikenali sebagai Pulau Serai dan sering kali dikaitkan dengan pelbagai perihal sejarah dan cerita mistiknya.

Menurut sejarah awal, masyarakat Hindu pada zaman dahulu mempercayai bahawa Gunung Jerai sangat istimewa kerana menjadi tempat tinggal kepada dewa-dewa (Ibrahim, 2008). Atas sebab itu, gunung ini dikatakan selamat untuk dijadikan rujukan dan panduan kepada para pelayar yang datang melalui kawasan perairan sekitarnya. Gunung Jerai sememangnya menjadi panduan pelayaran utama pedagang-pedagang Parsi, Arab, Cina dan India yang datang berdagang sekitar abad ke-4 hingga ke-13. Bukan itu sahaja, Gunung Jerai juga terkenal kerana nilai perlindungan dan keselamatan yang diberikannya kepada masyarakat sekitarnya sehinggakan tertubuhnya beberapa kerajaan awal pada suatu ketika dahulu.





Gambar 9.1:  
Sajian Pemandangan Gunung Jerai yang mengagumkan

Menurut Hikayat Merong Mahawangsa, anakanda Raja Merong Mahawangsa, iaitu Raja Merong Mahapudisat merupakan pengasas negeri Kedah. Baginda dikatakan membuka negeri Kedah Zamin Turan di kaki Gunung Jerai (Abdul Rahman, 2012).

Gunung Jerai merupakan pemangkin dalam pelbagai aspek kehidupan rakyat negeri Kedah. Gunung ini memberikan sinar harapan bukan sekadar kepada penduduk sekitar tetapi juga penduduk yang berhijrah ke kawasan ini. Penulisan ini bakal menelusuri nilai-nilai yang signifikan di sisi penduduk sekitar Gunung Jerai seperti nilai ekonomi, hidup, dan alam.

## NILAI RINGGIT

Nilai pertama yang akan dihuraikan di sini ialah betapa signifikannya Gunung Jerai di sisi penduduknya dari aspek ekonomi. Ternyata, gunung ini menjadi tumpuan orang ramai kerana telah menyediakan pelbagai peluang pekerjaan disebabkan kewujudannya. Peluang-peluang pekerjaan ini muncul dari berbagai-bagai bidang yang wujud seperti cendawan selepas hujan kerana berdirinya Gunung Jerai di situ. Kawasan yang menjadi tarikan pelancongan ini memberi ruang kepada kewujudan pelbagai peluang pekerjaan terutamanya dalam bidang pelancongan dan industri kecil dan sederhana. Kedudukan Gunung Jerai yang berdekatan dengan laut memaparkan pemandangan yang amat menakjubkan dari puncaknya dan hal ini telah dieksploitasikan oleh Regency Jerai Hill Resort sebagai salah satu produk pelancongan di Kedah. Hal ini juga membantu merancakkan ekonomi setempat seterusnya menawarkan peluang pekerjaan yang banyak dan pelbagai kepada penduduk sekitar dan orang ramai.



Gambar 9.2: Kewujudan Regency Jerai Hill membantu merancakkan sektor ekonomi sekitar Gunung Jerai

Perkembangan ekonomi yang pesat ini juga menggalakkan kepada wujudnya kedai-kedai makan yang memenuhi kaki Gunung Jerai bagi memberikan kemudahan dan keselesaan kepada pengunjung yang datang ke sini. Kebanyakan pengusaha kedai makan merupakan penduduk setempat dan menjalankan perniagaan makanan secara tetap dan sambilan bagi menjana ekonomi keluarga. Pekerjaan ini menjadi antara sumber pendapatan kepada penduduk setempat yang kebanyakannya bekerja sendiri. Gunung Jerai juga menyediakan bahan mentah batu buluh yang dijadikan barang perhiasan. Batu buluh atau juga dikenali sebagai batu tabasheer ialah sebatian bahan berwarna putih lutsinar yang terdiri daripada silika terutamanya dan air dengan kesan kapur dan kalium yang diperolehi daripada sendi nod beberapa spesies buluh. Batu buluh atau tabasheer ini yang diperolehi dari Gunung Jerai dijadikan barang perhiasan dan turut dijual di sebuah kedai di kaki gunung ini. Oleh itu, tidak sangsi lagi bahawa Gunung Jerai menyimpan khazanah alam yang amat banyak serta membantu merancakkan ekonomi kawasan ini.

Sebagaimana yang diterangkan oleh seorang pemandu van transit ke Gunung Jerai, Encik Badrul Akmal Abdul Halim, beliau menyatakan bahawa antara sebab beliau terlibat dengan bidang ini adalah kerana untuk membantu ibunya dan telah menyertai bidang ini sesudah tamat persekolahan (perbualan peribadi, 19 Mac 2015). Menurut beliau yang berasal dari Kampung Titi Teras yang terletak di kaki gunung ini lagi, van transit ini dijalankan dengan menyediakan servis kepada pengunjung yang ingin ke puncak Gunung Jerai selain turut disewa oleh pihak hotel Regency untuk tetamu hotel. Menurut beliau lagi, pemandu-pemandu yang membawa van transit bukanlah hanya melibatkan penduduk jati kawasan ini tetapi juga melibatkan orang luar dari kawasan ini serta daripada negeri lain. Terdapat lebih kurang tiga belas orang pemandu tetap yang terlibat menyediakan servis van transit ini di kaki Gunung Jerai. Menurut beliau lagi, servis ini selalunya mencapai waktu kemuncak pada hujung minggu. Mereka perlu memandu antara tujuh hingga lapan kali perjalanan ke puncak gunung dalam masa satu hari. Hal ini membuktikan bahawa Gunung Jerai merupakan lubuk emas yang menguntungkan semua pihak.

Selain itu, kerancangan sektor pelancongan di Gunung Jerai membolehkan penduduk berhampiran menyediakan perkhidmatan inap desa untuk pengunjung ke kawasan ini yang ingin menikmati suasana kampung serta penginapan yang lebih murah dan menjimatkan. Hal ini dapat disaksikan oleh kerancangan kemunculan inap desa seperti Homestay Kampung Raga yang sememangnya terkenal di sebelah utara, selain inap desa yang lain yang disediakan oleh penduduk berhampiran gunung ini. Dengan adanya ramai pengunjung ke Gunung Jerai, penduduk sekitar dapat memulakan perniagaan serta melibatkan diri dalam industri kecil dan sederhana. Contohnya, sepanjang perjalanan dari arah Sungai Petani ke Gunung Jerai dilatari oleh peniaga-peniaga kecil yang menyediakan servis makanan serta menjual hasil-hasil tanaman. Antara makanan yang banyak dijual di sepanjang jalan ini semestinya jagung bakar dan jagung rebus selain makanan lain yang berasaskan jagung. Selain itu, jagung turut dijual selain produk-produk industri kecil dan sederhana yang lain seperti kopi tempatan dan pisang goreng. Hal ini semestinya menggalakkan penanaman jagung di kawasan ini kerana terdapatnya penawaran daripada peniaga-peniaga di sepanjang jalan di kaki Gunung Jerai. Hal ini menjadikan bertambahnya sumber pendapatan masyarakat setempat yang membantu menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan di sini.

Selain daripada penanaman dan produk hasilan jagung, penduduk di sekitar Gunung Jerai seperti di Kampung Titi Teras dan Kampung Terai Bukit di kaki Gunung Jerai menjalankan perusahaan kopi kampung. Menurut Puan Sofiah Hashim atau lebih dikenali sebagai Maksud Piah (perbualan peribadi, 21 Februari 2015), masyarakat kampung terutamanya suri rumah, menjalankan perusahaan kampung menumbuk dan menjual kopi untuk pasaran setempat. Ada juga yang mengkomersialkan jualan kopi mereka. Kopi ini sangat istimewa kerana proses penyediaannya yang bermula dari kutipan buah, pengeringan, proses memasak dan menumbuk kopi dijalankan sepenuhnya secara tradisional serta tiada pengawet dan bendasing lain. Selain daripada itu, kopi kampung di kawasan Gunung Jerai ini juga dikatakan lebih enak kerana pokoknya tumbuh di sekitar kawasan kaki gunung ini. Iklimnya bersuhu sederhana dan mempunyai sumber galian yang baik untuk pokok kopi. Bagi yang berminat untuk merasai keenakan kopi kampung Gunung Jerai, produk ini boleh didapati di sepanjang jalan menuju ke Gunung Jerai.





Gambar 9.3: Kem Rekreasi Gunung Jerai menyediakan pelbagai cabaran kepada pendakinya

## NILAI HIDUP

Nilai kedua yang bakal dibincangkan adalah nilai hidup dari sudut pandang penduduk sekitar Gunung Jerai. Semestinya, gunung ini merupakan tempat berekreasi bagi penduduk sekitar khususnya, dan rakyat negeri Kedah, secara umumnya. Gunung Jerai merupakan tempat tumpuan orang ramai, terutamanya pada hujung minggu dan cuti umum. Kebanyakan pengunjung ke kawasan ini untuk beriadah bersama keluarga. Antara aktiviti riadah yang sering dilakukan di sini ialah berjoging atau berbasikal ke puncak Gunung Jerai. Aktiviti-aktiviti ini sering dijalankan secara berkumpulan yang merapatkan ukhwah sesama ahli keluarga atau rakan. Kawasan ini juga tidak pernah sunyi daripada pengunjung yang meminati kawasan tanah tinggi kerana jaraknya agak berdekatan dan tidak memerlukan kos yang tinggi. Tambahan pula, terdapat sebuah hotel bertaraf empat bintang yang telah bertapak di gunung ini membantu menjadikan Gunung Jerai sebagai sebuah produk pelancongan untuk pengunjung domestik serta pengunjung luar negara. Kehadiran hotel ini memberikan nilai tambah kepada aktiviti sosial yang boleh dijalankan di sini.

Gunung Jerai turut menjadi tumpuan bagi penggemar sukan rekreasi lasak kerana Gunung Jerai amat sesuai untuk aktiviti seperti merentas hutan dan mendaki gunung. Gunung Jerai menyediakan banyak trek untuk aktiviti pendakian. Antara trek yang agak popular di kalangan penggemar aktiviti sukan lasak ialah trek yang bermula dari Tangga Kenari di Hutan Lipur Titi Hayun, Yan. Selain itu, trek yang agak kerap digunakan ialah trek yang bermula dari Hutan Lipur Seri Perigi. Trek ini akan membawa para pendaki terus ke Taman Rimba di puncak Gunung Jerai malah, peminat aktiviti sukan lasak juga boleh memilih untuk mengakses ke Gunung Jerai melalui trek Muzium Arkeologi Lembah Bujang. Antara destinasi menarik lain untuk aktiviti mendaki Gunung Jerai ialah Air Terjun Puteri Mandi. Air terjun yang amat mengujakan ini memerlukan beberapa jam pendakian sebelum peminat alam semulajadi dapat menikmati keindahannya dan merasai airnya yang nyaman. Ternyata, Gunung Jerai menawarkan khazanah alam yang menarik selain aktiviti rekreasi lasak yang mencabar mental dan fizikal. Namun begitu, atas faktor keselamatan, aktiviti mendaki dan merentas hutan perlu dilakukan dengan kehadiran bantuan renjer.





Gambar 9.4: Keindahan semulajadi Gunung Jerai yang perlu dikekalkan

## NILAI ALAM

Gunung Jerai sebagai sebuah mercu di kawasan sekitar daerah Yan dan Kuala Muda kerana bukan sahaja memberikan sumbangan ekonomi kepada masyarakat setempat tetapi juga bertindak sebagai sebuah entiti pembangunan sahsiah dan jati diri masyarakat di sekitarnya. Berbicara mengenai Gunung Jerai, pastinya nama-nama seperti Telaga Tok Sheikh, Batu Kapal, Batu Sejadah dan pelbagai mitos serta lagendanya akan berlegar di fikiran kita. Namun, Gunung Jerai menyediakan lebih daripada apa yang umum ketahui.

Jika diteliti dari aspek pelancongan, Gunung Jerai merupakan sumber asas utama kepada kewujudan beberapa kawasan peranginan air terjun dan hutan lipur di daerah Yan dan Kuala Muda. Sumber air utama dari Gunung Jerai yang nyaman, sejuk dan jernih ini menjadi pilihan utama pengunjung dan pleancong serata Kedah untuk menikmati keindahan alam ciptaan tuhan ini. Antara kawasan peranginan yang paling terkenal di kawasan sekitar gunung ini ialah Hutan Lipur Titi Hayun. Kawasan riadah ini terletak di kaki Gunung Jerai dan merupakan kawasan air terjun yang paling popular di negeri Kedah bahkan terkenal di kawasan utara Semenanjung Malaysia. Hutan Lipur Titi Hayun menyediakan pelbagai kemudahan kepada pengunjung antaranya kem pelancongan, chalet, resort serta tapak perkhemahan yang membolehkan pelancongan untuk menginap di hutan lipur ini. Selain itu, pengunjung juga boleh melakukan aktiviti fizikal lain seperti aktiviti merentas hutan, pendakian ke Gunung Jerai dan pelbagai aktiviti lain yang bukan sahaja menguji ketahanan fizikal tetapi juga keampuhan mental dan emosi.

***“Gunung Jerai ialah puncak tertinggi di Negeri Kedah dan berketinggian 1, 217 meter.”***

Sekiranya pengunjung menginginkan pengalaman beriadah di kawasan tinggi, sejuk, dan menyamankan, Taman Rimba Gunung Jerai ialah tempat terbaik yang harus dilawati. Pusat rekreasi ini terletak di puncak Gunung Jerai dan mudah diakses melalui denai hutan dan laluan dakian gunung. Setibanya di kawasan rekreasi ini, pengunjung akan terpegun dengan keindahan alam semulajadinya yang menyajikan pemandangan lembah padi, berbalam perkampungan, hamparan lautan biru serta hutan dara di kawasan sekitar Gunung Jerai. Jika anda ialah seorang pencinta tumbuhan liar yang unik, kawasan Taman Rimba Gunung Jerai pastinya akan membuatkan anda terpana dengan kemeriahan orkid liar yang tumbuh mewah di sekitar kawasan ini.



Gambar 9.5: Pemandangan kawasan sekitar dari puncak Gunung Jerai

Selain daripada dua taman rekreasi popular ini, Gunung Jerai juga terkenal dengan kewujudan beberapa kawasan riadah semulajadi lain yang turut mengekalkan elemen alam dan keindahan air terjun sebagai daya tarikan utamanya. Antara yang terkenal ialah Air Terjun Puteri Mandi yang amat dikenali dengan kejernihan air terjunnya dan Hutan Lipur Seri Perigi yang dikenali dengan pancuran air terjun yang tinggi namun mengasyikkan. Kedua-dua kawasan riadah ini sememangnya menjadi tumpuan terutamanya ketika musim cuti sekolah. Bagi mereka yang tinggal di sekitar Merbok dan Sungai Petani, Hutan Lipur Rekreasi Tupah dan Air Terjun Batu Hampar merupakan pilihan yang paling ideal untuk dikunjungi. Pengunjung bukan sahaja boleh menikmati keindahan alam yang memukau mata dan hati tetapi juga boleh memuaskan halwa lidah dengan pelbagai santapan ringan yang dijual di sekitar kawasan peranginan ini.

Nilai alam yang seterusnya yang amat boleh dibanggakan di kawasan Gunung Jerai adalah dari segi kemegahan monumen dan artifak sejarahnya. Gunung Jerai pastinya seringkali dikaitkan dengan kewujudan beberapa monumen ajaib dan mistikal antaranya Telaga dan Padang Tok Sheikh. Dua nama ini sememangnya sinonim dengan Gunung Jerai dan seringkali dikaitkan dengan perihal mistik dan ilmu kebatinan. Telaga Tok Sheikh, sebagai contoh, menjadi kunjungan utama penduduk sekitar kawasan Gunung Jerai bagi mendapatkan sumber airnya yang dipercayai mempunyai nilai perubatan yang tinggi terutamanya penyakit mistik dan berkaitan dengan ilmu hitam. Menurut seorang penduduk tempatan yang mahu dikenali sebagai Pak Ya, sejak zaman dahulu, Telaga dan Padang Tok Sheikh menjadi tumpuan masyarakat sekitar yang mahu berubat secara tradisional dan juga ada yang datang untuk membuang badi dan sial (perbualan peribadi, 25 Ogos 2015). Sumber air di telaga ini dikatakan istimewa kerana digunakan secara peribadi dan dimiliki oleh seorang ulama terkenal dari Tanah Arab, iaitu Sheikh Abdullah Sheikh Jaafar Kumiri yang datang ke Kedah pada zaman Kedah Lama dan bertanggungjawab mengislamkan Raja Kedah, Maharaja Debaraja (Sultan Muzaffar Syah) pada ketika itu.





Gambar 9.6: Telaga Tok Sheikh menjadi tumpuan pengunjung mendapatkan air untuk perubatan tradisional

Selain daripada kisah Telaga Tok Sheikh ini, Gunung Jerai juga amat terkenal dengan penemuan beberapa monumen lain yang dikaitkan dengan pelbagai sejarah dan cerita mitos. Batu Kapal, contohnya, merupakan sebuah batu besar yang dilihat seakan dicanai elok yang berupa sebuah kapal yang khabarnya telah disumpah oleh Sang Kelembai menjadi sebuah batu. Batu Kapal ini masih boleh dilihat di kawasan puncak Gunung Jerai dan pastinya menjadi tumpuan pengunjung terutamanya yang cenderung kepada penelitian unsur alam dan mistik.

Tidak cukup dengan Batu Kapal, Gunung Jerai turut diserikan dengan penemuan beberapa bongkah batu lain yang berbentuk unik dan istimewa. Antaranya ialah Batu Ikan yang merupakan sebuah batu besar yang berbentuk seperti seekor ikan yang terletak berhampiran Batu Kapal di puncak gunung. Begitu juga dengan Batu Sejadah dan Batu Tapak Kaki di mana dua monumen ini sering menjadi bualan masyarakat setempat kerana bentuknya yang unik dan menyerupai hamparan sejadah dan tapak kaki manusia gergasi. Sehingga kini, sebahagian cerita berkaitan unsur-unsur mistik dan kebatinan mengenai batu-batu ini masih dianggap misteri dan lagenda oleh masyarakat pendukungnya.

## KESIMPULAN

Gunung Jerai merupakan bukan sekadar satu simbol kemegahan buat penduduk setempat dan seluruh negeri Kedah tetapi merupakan satu sumber alam yang mencurahkan rezeki buat semua. Gunung ini juga memainkan peranan penting sebagai sebuah ikon pengembangan ekonomi tempatan yang berjaya mengangkat taraf ekonomi penduduk setempat. Keindahan alamnya tidak dapat disangkal lagi dengan hamparan sawah padi terbentang yang bersempadan dengan laut di sebelah Tanjung Jaga. Atas sebab keindahannya itu, Gunung Jerai menjadi tumpuan masyarakat untuk bersosial dan berekreasi.

Kedah Darul Aman yang kaya dengan pelbagai khazanah sejarah perlu diterokai bukan sahaja dari aspek arkeologi tetapi juga sosioekonomi serta lain-lain aspek kehidupan. Merbok dan Gunung Jerai yang merupakan dua kawasan utama yang menyumbang kepada banyak petunjuk kewujudan asal negeri Kedah sudah pastinya turut mempunyai rahsia kehidupan masyarakat yang akan terkubur jika tidak didokumentasikan. Sehubungan itu, kompilasi bab di dalam buku ini merupakan suatu usaha untuk memastikan cara hidup, pembangunan penempatan dan juga nilai-nilai murni masyarakat terdahulu di kedua-dua kawasan tersebut dapat dicatat dan disimpan di persada sejarah. Catatan dan simpanan ini merupakan peninggalan yang tidak ternilai harganya bagi menjamin kesinambungan aspek kehidupan masyarakat di negara ini.

